

# Masyarakat wajar kikis sikap pandang jijik bekas penagih

SM B/H 17/6/12 MS 17

Mohd Aziz Ngah

azis@bharian.com.my



**S**TIGMA memandang serong bekas penagih dadah tidak pernah luntur, sekalipun dianggap semakin kurang, ia sebenarnya tetap meninggalkan kesan ke atas penagih yang mengharapkan sedikit simpati agar diterima kembali.

Jika mereka kembali hidup normal, bercampur dalam masyarakat, tanggapan itu masih jelas, aura negatif tetap ada tetapi bagi bekas penagih yang sudah pulih, itu adalah cabaran yang perlu dihadapi selain ancaman utama mengelak kes berulang.

Hal sama jika bercakap soal mencari pekerjaan, bagaimana susah dan pedihnya jika mereka tidak diterima atau dibuang kerja selepas majikan menyemak latar belakang mereka.

Bukan semua bekas penagih berkelakuan buruk, justeru, kerajaan melalui Agensi Anti Dadah Kebang-

saan (AADK) sering melaungkan slogan peluang kedua iaitu memberi ruang mereka kembali ke pangkuan masyarakat, melalui hidup normal serta menikmati kembali nikmat hidup yang pernah hilang.

Bagi bekas penagih, Bahar, 55, menganggap perkara itu adalah lumrah dalam dirinya. Beliau cuma mampu mencari kerja sebagai pengawal keselamatan tetapi dalam tempoh beberapa tahun sejak pulih sepenuhnya, sudah lima kali bertukar kerja.

Antara masalahnya ialah majikan seolah-olah 'jijik' menerima pekerja bekas penagih dadah, bimbang menimbulkan masalah pandangan niat utamanya ialah berdikari, mencari rezeki dan dalam proses membina kehidupan baru.

Bekas ahli kaji bumi itu serik terbabit dalam masalah dadah. Keuar masuk penjara dan pusat serenti menjadi kebiasaan sepanjang tempoh lebih 30 tahun bergelumang dengan dadah.

"Kalau mereka terima, itu rezeki Allah limpahkan kepada saya. Saya terima seadanya, jika tidak saya boleh cari kerja di tempat lain," katanya reda dengan apa yang berlaku.

Kini, impiannya cuma satu, memiliki pondok mengajar agama sendiri di Grik, Perak. Di situlah beliau akan menghabiskan masa sehingga ajal tiba. Apa yang dilakukannya kini cuma mengumpul wang untuk membeli sebuah pondok mengaji agama.

Usahanya semakin membuahkan hasil kerana gaji sebagai pengawal keselamatan membolehkan Baharom menunaikan umrah pada April lalu bersama adik-beradiknya.

"Itu nikmat yang cukup besar. Saya tidak pernah impikan untuk memiliki rumah besar, banyak harta, cukuplah jika mampu memiliki pondok agama, berkongsi pengalaman dan menuntut ilmu. Sekurangnya sebelum jika meninggal dunia, saya berpeluang mendalami ilmu agama," katanya.

Bahkan, ketika usianya hampir memasuki era warga emas, beliau juga tidak terlalu memikirkan soal mendirikan rumah tangga kerana tumpuannya melengkap diri dengan ilmu agama.

Sudah pasti beliau juga mempunyai sejarah hitam ketika bergelar penagih. Tarikh keramat 11 Mac 1983 kekal dalam ingatannya selepas kejadian ngeri beliau mem bakar rumah pusaka ibunya di Hulu

Langat. Walaupun tiada yang tercedera, ia tetap menghantui diri hingga kini.

Ketika itu, beliau terlalu khayal dengan dadah hingga sanggup membakar rumah kelahirannya.

"Tbu tetap yakin saya boleh berubah walaupun rumah kami terbakar. Sehingga ke saat akhir hayatnya, ibu tetap berpesan kepada adik beradik supaya menyokong sesama sendiri. Mereka tak pernah membuang saya dan syukurlah, pintu hati saya terbuka untuk berubah.

"Sebab itu saya sangat berhati-hati berkawan. Sekarang sudah tahu siapa kawan yang menghancurkan dan kawan yang membantu" kata anak keempat daripada sembilan beradik itu.

Hakikat sama diakui seorang lagi bekas penagih, Zaidi, 43, yang kini layak bergelar usahawan berjaya di Selangor selepas pulih sepenuhnya daripada penagihan ganja.

Bapa lima anak itu kini menjadi tauke murtabak serta mempunyai tujuh pekerja. Bertunjangan sokongan kuat isteri yang menguruskan kewangan bersyukur kerana keluarga memahami serta menyokong usaha pemulihannya.

"Sejak Tingkatan Satu, saya mula

berjinak dengan ganja dan berhenti sekolah ketika Tingkatan Tiga. Hampir 30 tahun melayan perasaan. Ini adalah masa terbaik 'membayar hutang' hidup lama dan ia cukup menggembirakan kerana dapat berdikari," katanya. Bayangkan, setiap hari, Zaidi mampu menjual purata 700 murtabak yang harga antara RM4 hingga RM5 sekeping.

Beliau cukup bertuah kerana berjaya keluar daripada kepompong dadah dan lahir daripada keluarga yang mengusahakan kedai makan.

Isterinya turut mengusahakan makanan roti sejuk beku dan banyak menerima tempahan daripada rumah tahfiz dan anak yatim sekitar Selangor.

"Cukuplah sekali saya terjerumus. Memang saya tak pernah ditangkap sebelum ini, apabila ditan, saya cukup takut. Apabila diberi peluang menjalani pemulihan, saya sangat bersyukur kerana AADK membantu kami melalui program sukarela," katanya.

Sempena sambutan hari dadah sedunia pada akhir bulan ini, beliau mengakui cukup bersyukur kerana diberi petunjuk kembali ke jalan benar melalui program di bawah kendalian AADK.